

Tindakan tegas banteras pelacuran kanak-kanak

BH 17/10/00

Oleh Zulkofli Jamaluddin dan Ebi Azly Abdullah

Hukuman lebih berat berbanding penjara tidak lebih lima tahun sebelum ini adalah antara peruntukan Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 dibentangkan untuk bacaan kali kedua

KUALA LUMPUR, Isnin – Mereka yang melacurkan kanak-kanak atau melanggan perkhidmatan seks kanak-kanak boleh dijatuhkan hukuman penjara mandatori tidak kurang tiga tahun dan tidak lebih 15 tahun serta sebatan tidak lebih enam kali, jika sabit bersalah.

Hukuman lebih berat berbanding penjara tidak lebih lima tahun sebelum ini adalah antara peruntukan dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak 2000 yang dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Siti Zaharah Sulaiman, ketika membentangkan rang undang-undang itu berkata hukuman denda juga ditambah daripada tidak lebih RM10,000 kepada tidak melebihi RM50,000.

Beliau berkata, bagi ke-

salahan kali kedua dan berikutnya, selain hukuman penjara, sebatan mandatori tidak kurang enam kali dan tidak melebihi 10 kali juga akan dikenakan terhadap pesalah.

"Akta sedia ada tidak memperuntukkan hukuman kepada mereka yang mengeksploitasikan wanita dan gadis serta menimbulkan tanggapan masyarakat bahawa akta berkenaan mendiskriminasi jantina.

"Ini kerana tindakan dikenakan terhadap wanita, sedangkan lelaki yang menggunakan perkhidmatan berkenaan terlepas

daripada sebarang tindakan," katanya.

Selain itu, beliau berkata rang undang-undang berkenaan juga membuat peruntukan baru menjadikan satu kesalahan membawa atau menghantar keluar seseorang kanak-kanak tanpa keizinan mereka yang mempunyai hak penjagaan sah terhadap kanak-kanak itu.

Rang Undang-undang Kanak-kanak menyelaras kanak-kanak menyelaraskan pertindihan yang wujud dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindu-

ngan Kanak-kanak 1991.

Siti Zaharah berkata, masalah membawa lari kanak-kanak secara paksa seharusnya diberi perhatian terutamanya apabila seorang ibu atau bapa memperoleh perintah jagaan daripada mahkamah tetapi pihak lagi satu tidak bersetuju atau tidak menghormati perintah mahkamah itu.

Katanya, peruntukan baru akan cuba menangani masalah itu dengan membolehkan mahkamah memerintahkan supaya dibuat suatu penggelidahan untuk mencari kanak-kanak itu dan mengeluarkan perintah mendapatkan balik kanak-kanak itu.

Satu peruntukan juga dibuat dalam rang undang-undang itu untuk mengenakan kewajipan terhadap setiap anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak untuk memberitahu seorang pelindung jika me-

reka percaya atas alasan munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dianiayai.

Sebelum ini, katanya, tanggungjawab itu dipikul oleh seseorang pengamal perubatan atau pegawai perubatan untuk melaporkan kejadian penganiayaan.

"Peruntukan ini bertujuan memastikan bahawa anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak lebih bertanggungjawab dan mengambil berat mengenai keadaan kanak-kanak yang didera, terbiar dan sebagainya," katanya.

Rang undang-undang itu juga akan membuat peruntukan baru bagi memastikan ibu atau bapa atau penjaga tampil ke hadapan dan bertanggungjawab terhadap kebajikan anak-anak mereka.

Ibu atau bapa boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun

jika tidak menghadiri sebarang peringkat prosiding mahkamah setelah diminta untuk berbuat demikian.

Di bawah Rang Undang-undang Kanak-kanak ini, Siti Zaharah berkata kanak-kanak lelaki juga akan dimasukkan dalam kategori mereka yang memerlukan perlindungan daripada eksploitasi seksual, berlainan sebelum ini yang hanya menumpukan pada kanak-kanak perempuan dan wanita.

Katanya, undang-undang baru itu turut memperuntukkan penubuhan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak, yang bertanggungjawab menasihati menteri mengenai segala aspek perlindungan kanak-kanak di negara ini.

"Majlis itu boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsinya mengikut rang undang-undang ini," katanya.